

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah dan dasar untuk mengawal pengambilan pekerja asing agar tidak berlaku diskriminasi terhadap pekerja tempatan terutamanya berkaitan hak untuk mendapatkan pekerjaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar semasa Kerajaan mengenai penggajian pekerja ialah memberi keutamaan pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pencari kerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.
2. Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada guna tenaga asing, Kerajaan masih berpegang kepada dasar-dasar yang telah sedia ada yang memberikan keutamaan kepada penggajian pekerja tempatan seperti berikut:
  - (i) menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing dan mewujudkan pekerjaan yang memerlukan kemahiran;
  - (ii) penggajian pekerja asing dari mana-mana negara sumber hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja (*real industrial demand*);
  - (iii) melaksanakan *multi-tier levy* pada 1 Januari 2021 yang mana pengambilan pekerja asing adalah berdasarkan *Dependency Ratio Ceiling* (DRC) iaitu nisbah antara pekerja warganegara dan pekerja asing;
  - (iv) syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketatkan dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja warganegara dan pekerja asing;

- (v) hanya majikan yang berkeupayaan (*genuine*) dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan kelulusan pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan Jabatan Tenaga Kerja (JTK);
- (vi) mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan mekanisasi, restoran berkonsepkan *self-service* dan sebagainya;
- (vii) program *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) untuk warga tempatan diperkasakan bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi selaras dengan hasrat negara untuk beralih daripada industri berintensif buruh kepada *high end industry*; dan
- (viii) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja.

3. Pada masa yang sama, beberapa dasar baharu atau lebih sesuai saya nyatakan sebagai memperkuuhkan sesetengah dasar sedia ada juga telah dilaksanakan oleh Kerajaan, antaranya seperti:

- (i) mewajibkan pengiklanan kekosongan jawatan untuk tempoh tidak kurang dari 30 hari di Portal JobsMalaysia bagi tujuan pengambilan pekerja asing dan pegawai dagang. Sekiranya tiada pengisian dari kalangan pencari kerja tempatan dalam tempoh tersebut, barulah majikan dibenarkan membuat permohonan pengambilan pekerja asing dan pegawai dagang;

**SOALAN NO : 254**

- (ii) supaya jawatan petugas barisan hadapan tidak dibenarkan kepada pekerja bukan warganegara; dan
- (iii) melalui pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), lebih 20,000 peluang pekerjaan ditawarkan menerusi Inisiatif di bawah PSMB.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan juga telah membekukan pengambilan pekerja asing baharu mengambil kira penularan wabak pandemik COVID-19 yang memberi implikasi yang besar kepada pasaran pekerjaan negara. Tempoh ini akan digunakan oleh Kementerian ini untuk mengambil pendekatan “*all out*” bagi memastikan pencari kerja warganegara diserapkan dalam pasaran pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dan menjamin kelangsungan hidup rakyat khususnya yang terkesan akibat pandemik tersebut. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam menambah baik pengurusan pengambilan pekerja asing secara holistik.

Sekian, terima kasih.